Sesiapa yang bertemu Allah tanpa melakukan sebarang syirik, dia pasti masuk syurga. Sesiapa yang bertemu-Nya dalam keadaan mensyirikkan-Nya, pasti masuk neraka

Daripada Jabir bin Abdullah رضي الله عنهما, beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang bertemu Allah tanpa melakukan sebarang syirik, dia pasti masuk syurga. Sesiapa yang bertemu-Nya dalam keadaan mensyirikkan-Nya, pasti masuk neraka."

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ memberitahu bahawa sesiapa yang meninggal dunia tanpa mensyirikkan Allah dengan sesuatu, maka kesudahannya adalah syurga sekalipun dia diazab atas sebahagian dosanya, dan sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan mensyirikkan Allah akan kekal di dalam neraka.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3418